



Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Encik Rizal selalu _____ prestasi pekerjaanya dari semasa ke semasa.
- A menilai
B menguji
C menaksir
D memeriksa

Soalan 2

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 2 Rasa cintakan negara tidak semestinya
A
diterjemahkan dengan mengibarkan
B
bendera pada bulan kemerdekaan sahaja.
C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Lelaki itu mengira keuntungan kasar kedai runcitnya.
II Rina terkejut apabila ditegur oleh pemuda itu dengan suara yang kasar.

III Suhaila tidak membeli songket itu kerana tenunannya kasar.

IV Rafi menjamah makanan dengan kasar kerana dia kelaparan.

- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Tanah terbiar di kampung itu Razali dan adiknya telah mengusahakan.
- A Razali dan adiknya telah usahakan
B telah Razali dan adiknya usahakan
C telah diusahakan oleh Razali dan adiknya
D Razali dan adiknya telah mengusahakan

Soalan 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 5 Sikap Nadia yang seperti _____ itu menyebabkan dia tidak mempunyai ramai kawan.
- A mulut murai C kerang busuk
B kaki bangku D kera sumbang